

Seringkali kita salah dalam memahami orang lain dan mentafsirkan sikap mereka. Untuk kita memahami mereka dengan pemahaman yang sah, maka kita perlukan, **Pertama:** Kita perlu berfikir dengan cara mereka berfikir bukan dengan cara kita berfikir. Kita perlu mengukur banyak perkara mengikut cara ukuran mereka bukan mengikut cara kita sendiri. **Kedua,** kita perlu membezakan antara sikap kita terhadap pandangan dan cara mereka berfikir dengan penafsiran kita tentang sikap mereka. **Ketiga,** kita perlu melapangkan dada kita kepada mereka yang tidak bersetuju dengan kita. Jika tidak, maka kita tidak akan dapat melihat selain diri kita sendiri sahaja.